

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[ BELURAN ]**

**SOALAN NO. 281**

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [ BELURAN ] minta MENTERI  
KESIHATAN menyatakan senarai Klinik Desa yang akan diwujudkan  
di Kawasan Parlimen Beluran.**

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Buat masa ini, terdapat sejumlah 17 buah klinik di Kawasan Parlimen Beluran iaitu 11 buah klinik kesihatan, 5 buah klinik desa dan sebuah klinik kesihatan ibu dan anak. Daripada jumlah tersebut, 7 buah klinik kesihatan dan 2 buah klinik desa terletak di dalam Daerah Kecil Paitan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum dengan kawasan Parlimen Beluran yang luas dengan majoriti penduduknya di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai jalinan jalan raya yang sempurna manakala jumlah penduduk bagi setiap lokaliti atau perkampungan pula secara puratanya kurang dari 500 orang sehingga menyukarkan perancangan fasiliti baru yang melibatkan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, ia tidak menjadi halangan kepada visi KKM untuk memastikan capaian (*accessibility*) perkhidmatan kesihatan kepada semua rakyat.

Bagi cadangan pembangunan yang akan datang, pihak KKM akan memberi fokus kepada pembinaan klinik kesihatan dengan perkhidmatan yang lebih lengkap berbanding klinik desa. Bagaimanapun, perancangan pembinaan klinik yang baharu bergantung kepada kesesuaian tapak tanah yang disediakan oleh kerajaan Negeri serta peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di bawah projek Rancangan Malaysia.

Pada masa ini, terdapat perancangan penubuhan sebuah klinik di Kg. Matanggal Baru namun tapak yang bersesuaian masih belum disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Namun demikian, perkhidmatan klinik bergerak telah disediakan kepada penduduk kampung tersebut untuk menikmati kemudahan kesihatan yang disediakan oleh KKM.

Sekian, terima kasih.